

LATIHAN**TAJUK: BERDIKARI**

Isikan tempat-tempat kosong di bawah ini dengan perkataan-perkataan yang paling sesuai.

Pelajar	wajib	malas	Ilmu pengetahuan	bertanggungjawab
Berdikari	berkumpulan	Percaya	manfaat	dihormati
ibu bapa	memasak	canggung	senang	hina
rungutan	budaya lepak	12 tahun	merancang	masa

1. _____ berdiri atas kaki sendiri iaitu tidak mengharapkan orang lain untuk menolongnya.
2. Kita sering mendengar _____ para ibu bapa mengenai sikap anak remaja yang tidak mahu membuat kerja rumah.
3. Mencuci pinggan, mencuci kereta dan _____ merupakan antara contoh bagi sikap berdikari.
4. _____ pada diri sendiri adalah ciri-ciri bagi berdikari.
5. Para remaja yang berusia _____ ke atas sepatutnya sudah mula belajar hidup berdikari.
6. Remaja digalakkan untuk berdikari kerana banyak _____ dan faedahnya.
7. Jika seseorang itu dapat melaksanakan pengurusan dirinya dengan baik maka dia akan dapat hidup _____ dan selesa.
8. Seseorang pelajar mesti tahu _____ dan melaksanakan perkara penting dalam hidupnya.
9. Mengamalkan sikap berdikari akan dapat mewujudkan sikap _____ dan meningkatkan disiplin diri.

10. _____ yang bijak dan berjaya adalah mereka yang tahu merancang jadual harian dan mingguannya dengan baik.
11. Pelajar tidak boleh membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti _____ dan sebagainya.
12. Jika seseorang telah terbiasa melakukan kerja sendiri maka mereka tidak akan berasa _____ sekalipun kerja yang dibebankan itu amat berat.
13. _____, kemahiran dan pengalaman adalah sangat penting dalam kehidupan manusia.
14. Orang yang berilmu akan _____ dan disegani serta dipandang mulia _____ oleh orang lain.
15. Orang yang tidak berilmu akan dipandang rendah dan _____ oleh orang lain.
16. Jika seseorang tidak faham tentang sesuatu pelajaran maka _____ bertanya kepada orang yang lebih tahu.
17. Para pelajar mesti pandai membahagikan _____ iaitu masa untuk rehat,
18. Jangan terlalu mengharapkan pertolongan kecuali jika kamu tidak tahu membuatnya.
19. Belajar secara _____ dengan kawan-kawan lebih baik kerana boleh berbincang sambil belajar.
20. Jauhilah sikap _____ dan suka membuat kerja dengan tidak bersungguh-sungguh.